



MAJLIS pelancaran EasyWasiat oleh Maybank Islamic di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

UTSUAN MALAYSIA 26/6/2023 11:58:23

# RANCANG, TULIS WASIAIT DENGAN EASYWASIAIT

Oleh SHAFIQAH SHUKOR  
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Perkhidmatan penulisan wasiat, *EzyWasiat* oleh Maybank Islamic Berhad membolehkan pelanggan merancang dan menyiapsediakan wasiat mereka dengan lebih cekap dan teratur, selaras dengan Syariah dan undang-undang faraid.

Platform *EzyWasiat* dibangunkan mengikut model bantuan unik dimana pelanggan akan dibantu secara langsung oleh penasihat pengurusan kekayaan patuh Syariah atau pengurus hubungan yang akan menggabungkan algoritma faraid untuk memudahkan proses penulisan wasiat.

Pelanggan hanya perlu menyediakan dokumen yang betul dan dengan bayaran serendah RM600, penulisan wasiat mereka boleh disempurnakan dalam masa 30 minit sahaja.

Untuk menyediakan kemudahan itu kepada pelanggan, Maybank Islamic telah menjalin kerjasama dengan syarikat fintech, CreateWills Sdn. Bhd. serta menggabungkan nasihat sokongan dan pegawai perhubungan pelanggan Maybank Islamic yang berdedikasi.

Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic, Datuk Mohamed Rafique Merican berkata, pelancaran *EzyWasiat* adalah selaras dengan aspirasi bank itu untuk membangunkan penyelesaian baharu dan inovatif yang dapat memberikan impak positif kepada komuniti secara

**"PELANGGAN HANYA PERLU MENYEDIAKAN DOKUMEN YANG BETUL DAN DENGAN BAYARAN SERENDAH RM600. PENULISAN WASIAT MEREKA BOLEH DISEMPURNAKAN DALAM MASA 30 MINIT SAHAJA."**

meluas.

"Kami kekal komited untuk menerajui perbankan patuh Syariah bukan sahaja di rantau ini malah serata dunia. Berbekalkan jalinan perkongsian pintar, kami berada pada kedudukan yang strategik untuk membuka jalan ke arah fasa pertumbuhan kewangan Islam yang seterusnya.

"Selain memenuhi janji kami terhadap kelestarian kewangan Islam, kami juga berusaha untuk mendigitalkan produk-produk kami dalam menawarkan penyelesaian kepada para pelanggan, maka tercetusnya kerjasama dengan CreateWills ini.

"Kerjasama antara Maybank Islamic dan CreateWills mendorong pencapaian penting dalam bidang perkhidmatan penulisan wasiat bagi umat Islam, khususnya dari segi perancangan harta patuh syariah," katanya.

katanya.

Sementara itu, Ketua Pengurusan Kekayaan dan Pembangunan Perniagaan Patuh Syariah Maybank Islamic, Ahmad Shareza Abdul Rahman berkata, dengan *EzyWasiat*, umat Islam dapat memanfaatkan perkhidmatan penulisan wasiat khusus untuk mereka yang menitikberatkan keperluan syarak dan perancangan masa hadapan demi orang tersayang.

"Dalam erti kata lain, kami membantu anda untuk merealisasikan perancangan harta dari Niat ke Wasiat.

"Misi bank adalah untuk memperkasakan pelanggan untuk merancang masa hadapan mereka secara efisien, di samping memastikan niat mereka untuk mematuhi keperluan Islam dapat dipenuhi dengan mudah.

"Dengan proses penulisan wasiat yang dapat diselesaikan dalam tempoh 30 minit dan struktur harga yang berpatutan, kami ingin memastikan agar tiada sesiapapun yang terkecuali daripada bantuan guaman perancangan harta yang berkualiti tinggi.

"Malah, *EzyWasiat* yang berdasarkan teknologi digital ini mudah untuk diubahsuai dari masa ke masa jika diambil kira realiti perubahan hidup dan peredaran masa yang dinamik," katanya.

Tujuan utama *EzyWasiat* adalah untuk memberikan kelapan minda dalam pengurusan harta dan memastikan harta tersebut diuruskan dengan betul setelah pemergian individu.